



INFO ZAKAT

PANEL DAKWAH MUALAF

Bimbing Asnaf Mualaf Di Selangor

Golongan mualaf merupakan aset penting dalam dakwah Islamiah.

Justeru itu, keutamaan dalam memberi didikan, bimbingan, panduan dan ilmu agama Islam amat dititikberatkan terutamanya pada awal pengislaman mereka.

>> *Sambungan muka surat 8*

Kutipan Zakat

Muka Surat **05**

Agihan Zakat

Muka Surat **09**

Info Bantuan

Muka Surat **10**

NISAB

(JAN-JUN 2018)

RM14,688


LAPORAN PRESTASI

*RINGKASAN LAPORAN PRESTASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT DI SELANGOR BAGI TEMPOH JANUARI - FEBRUARI 2018


Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengutip zakat sebanyak **RM84.6 juta** dan telah mengagihkan sebanyak **RM64.7 juta** kepada lapan golongan asnaf yang layak bagi tempoh Januari hingga Februari 2018.

*Nota: Data belum diaudit.


*PRESTASI KUTIPAN ZAKAT (RM JUTA)



*PRESTASI AGIHAN ZAKAT (RM JUTA)



*AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF BAGI BULAN JANUARI - FEBRUARI 2018



*Nota: Data belum diaudit.

*PRESTASI PENGELUAR ZAKAT (ORANG)



*Nota: Data belum diaudit.

LAPORAN PRESTASI

* JUMLAH KELUARGA ASNAF FAKIR & MISKIN

DI SELANGOR BAGI TEMPOH
JANUARI-FEBRUARI 2018


 FAKIR
 MISKIN

Jumlah Keseluruhan
Asnaf Fakir dan Miskin:

45,893

KELUARGA

*Nota: Data belum diaudit.




BAGAIMANA PROSES PERMOHONAN BANTUAN ZAKAT ?



SKIM BERKAT PILIHAN MUDAH UNTUK TUNAI ZAKAT

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan pelbagai medium bagi memudahkan masyarakat Islam menunaikan zakat. Antara yang menjadi pilihan pengeluar zakat di Selangor ialah melalui Skim Berkat iaitu potongan zakat secara bulanan.



BAGAIMANA MENYERTA SKIM BERKAT

- Taksir Zakat Anda di <http://www.zakatselangor.com.my/calkulator-zakat/>
- Isi borang permohonan bayaran zakat melalui potongan gaji dengan melayari <https://espg.zakatselangor.com.my/>

Untuk khidmat temujanji & taklimat SPG, hubungi : • Jabatan Majikan : 03-83142855 • Talian Zakat Selangor : 1-300-88-4343

KEMPEN 8 TO 8 GALAK MASYARAKAT BERZAKAT

Lembaga Zakat Selangor (LZS) meningkatkan usaha dakwah melalui Kempen '8 To 8' bagi menggalakkan masyarakat di Selangor mula dan menambah caruman bulanan zakat mengikut taksiran terkini melalui Skim Berkat (potongan zakat bulanan).

Mengetengahkan tema 'Berbahagia Dengan Memberi', kempen bertujuan menggalakkan individu yang layak berzakat untuk mula mencarum zakat secara bulanan serendah RM8. Manakala bagi pencarum zakat sedia ada, disaran untuk mentaksir semula zakat serta menambah jumlah potongan zakat bulanan bagi menyantuni lapisan golongan asnaf di Selangor.

APA ITU KEMPEN



Kempen mula caruman bulanan zakat dengan



Tambah Caruman zakat untuk golongan asnaf



BILA KEMPEN INI BERLANGSUNG?

1 MEI - 31 OGOS 2018
MULAKAN CARUMAN ANDA
1 SEPTEMBER - 31 DISEMBER 2018
TAMBAH CARUMAN ANDA


BAGAIMANA CARA MENYERTA?

2 LANGKAH MUDAH
UNTUK SERTA KEMPEN INI.

- Taksir Zakat Anda di <http://www.zakatselangor.com.my/calculator-zakat/>
- Mula Atau Tambah Caruman Zakat di <https://espg.zakatselangor.com.my/>



HADIAH MENARIK
MENANTI ANDA



*HADIAH UTAMA

Kad minyak petrol bernilai RM1,000 untuk 4 pemenang (2 Pemenang Mula Caruman Anda & 2 Pemenang Tambah Caruman Anda)

*HADIAH BULANAN

Sebuah al-Quran digital setiap bulan kepada pencarum bertuah

KUTIPAN ZAKAT



KHIDMAT PERSONALIZED TAKSIR ZAKAT

Khidmat rundingan & taksiran zakat ke premis dan pejabat.



KAUNTER SEMENTARA

Kemudahan alternatif kepada syarikat yang memerlukan khidmat kaunter sementara bagi kutipan zakat.

PERBANKAN INTERNET

Bayaran zakat dimudahkan melalui kemudahan perbankan internet dan ezakatpay.

PENOLONG AMIL FITRAH

2,760 orang Penolong Amil Fitrah di seluruh Selangor sepanjang bulan Ramadan bagi memudahkan umat Islam di Selangor menunaikan zakat fitrah.

KAUNTER KUTIPAN ZAKAT

27 cawangan di seluruh Selangor.



ZAKAT ON WHEELS

Kemudahan yang disediakan kepada masyarakat bagi membantu proses kutipan dan agihan zakat, khususnya melibatkan kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai.



NISAB ZAKAT

kadar harta yang dikenakan zakat bersandarkan nilai 85 gram emas harga semasa.

ZIARAH MAJIKAN

Operasi rutin sebagai usaha dakwah menyebarkan maklumat berkaitan zakat kepada majikan yang berpotensi untuk menunaikan zakat.

EKSEKUTIF MAJIKAN SWASTA (EMS)

Merupakan pemudah cara yang bertindak sebagai 'frontliner' di lapangan untuk mengutip zakat sama ada untuk syarikat mahupun individu. Fokus utama EMS adalah memberi taklimat berkaitan zakat, membuat taksiran dan mengutip zakat harta sama ada melalui kaedah bayaran cek, kad debit dan skim potongan gaji.



EJEN KUTIPAN

LZS melantik ejen kutipan zakat yang terdiri daripada ejen IPTA/IPTS, ejen syarikat terpilih, ejen firma & audit dan juga kaunter ejen bank dan pos.



AGIHAN ZAKAT

• DI SELANGOR



AGIHKAN BANTUAN ZAKAT *DOOR TO DOOR*

Serahan bantuan makanan bulanan ke rumah asnaf melalui Teraju Ekonomi Asnaf (TERAS).

KAUNTER MINI

Diwujudkan memberi kemudahan kepada para asnaf yang tinggal jauh dari cawangan LZS.

KREDIT KE AKAUN BANK

Kemudahan bagi para asnaf fakir & miskin menerima bantuan kewangan bulanan secara bayaran terus ke dalam akaun berdaftar mereka.




PENOLONG AMIL KARIAH

1,613 orang Penolong Amil Kariah dilantik sebagai pemudahcara antara LZS dan masyarakat terutama bagi golongan asnaf fakir dan miskin.

KAUNTER AGIHAN & KAUNTER EKSPRES AGIHAN ZAKAT

Bagi meringankan beban asnaf yang memerlukan di Selangor.




MOBILE ENTREPRENEUR

Bantuan lori bagi usahawan asnaf zakat untuk menjalankan perniagaan secara mobile.

HADDUL KIFAYAH

Garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang individu merujuk kepada suatu kadar keperluan sesebuah isi rumah berdasarkan ketetapan LZS.



ZIARAH ASNAF

Aktiviti bersifat turun padang bertujuan menyelami kelangsungan hidup asnaf, di samping mendekati dan melihat keperluan lain yang layak disantuni oleh LZS.

SKUAD JEJAK KEMISKINAN

Operasi bersifat mencari, siasat dan bantu ini bertujuan bagi mengenal pasti individu atau keluarga yang memerlukan bantuan dan akan disenaraikan sebagai asnaf fakir atau miskin



WAKALAH AGIHAN ZAKAT

Melalui Wakalah Agihan Zakat, pengeluar zakat dilantik sebagai wakil bagi pihak LZS untuk mengagihkan sendiri zakat dengan pemantauan LZS berdasarkan kepada prinsip agihan zakat.

Tingkatkan KEFAHAMAN ISLAM Lebih Mendalam

Sebagaimana asnaf lain, asnaf mualaf turut disantuni oleh zakat seperti yang disebutkan dalam al-Quran surah *at-Taubah* ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah (zakat) itu adalah untuk orang-orang fakir, miskin, amil yang menguruskan dan mualaf yang dilunakkan hatinya...”

Atas dasar itu, Lembaga Zakat Selangor (LZS) sentiasa berusaha menambah baik mekanisme pengagihan zakat untuk golongan ini. Zakat telah digunakan sebagai mekanisme untuk menyantuni asnaf mualaf ini melalui pembangunan pendidikan bagi mengukuhkan ilmu. Hal ini bagi memastikan mereka dapat mendalami pengetahuan mengenai Islam dan mengukuhkan pegangan hidup beragama.

Melalui bimbingan Panel Dakwah Mualaf (PDM) dalam pelbagai siri Kelas Fardu Ain, kefahaman pengetahuan asas Islam diberikan kepada golongan asnaf mualaf. Ia dijalankan mengikut masa dan tempat yang dipilih oleh para peserta bagi memudahkan mereka untuk mengikuti kelas ini. Malah, menghadiri Kelas Fardu Ain sama ada anjuran LZS atau mana-mana kelas yang diiktiraf oleh LZS/MAIS menjadi syarat utama bagi penerima bantuan zakat di bawah asnaf mualaf.




Bagi tujuan memudahkan selain mendekati golongan mualaf ini, PDM turut dilantik dalam kalangan mualaf sendiri yang akan berkhidmat bagi tempoh dua tahun.

Untuk makluman, daripada 181 orang PDM yang dilantik, 54 daripadanya terdiri daripada asnaf mualaf. Sehingga kini, sebanyak 223 kelas agama telah disediakan dan dilaksanakan di masjid, surau, sekolah, balai raya dan premis di bawah kebenaran LZS di seluruh Selangor. Ia melibatkan keseluruhan seramai 4,008 orang asnaf mualaf yang menghadiri kelas tersebut bagi setiap bulan.


LZS sangat komited dalam pembangunan sahsiah dan rohani mualaf itu sendiri. Keperluan bagi mereka sentiasa dipenuhi agar mereka tidak lari jauh daripada landasan cabaran sebagai saudara baru. Melalui PDM ini, kekuatan jiwa mualaf dapat ditempa melalui pendekatan dakwah berkesan.



BILANGAN PANEL DAKWAH MUALAF DI SELANGOR



BAGAIMANA PDM DIPILIH?



LZS boleh melantik PDM dalam kalangan bukan warganegara Malaysia yang memenuhi syarat tambahan seperti berikut:

- (a) Memiliki pasport dan visa masih sah laku;
- (b) Mendapat kebenaran mengajar daripada JAIS, JAKIM; dan
- (c) Boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.

BILANGAN ASNAF MUALAF YANG MENGIKUTI KELAS FARDU AIN

CINA	710	KEMBOJA	46
INDIA	1,228	INDONESIA	66
ORANG ASLI	1,031	NIGERIA	5
SABAH	355	FILIPINA	124
SARAWAK	332	LAIN-LAIN	111
JUMLAH = 4,008			

*BANTUAN ZAKAT UNTUK ASNAF MUALAF



INFO BANTUAN

* JENIS BANTUAN ZAKAT TERBESAR BAGI ASNAF FAKIR DAN MISKIN BAGI TEMPOH JAN-FEB 2018

ASNAF	KATEGORI	JENIS BANTUAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
Fakir dan Miskin	Sara Diri Bulanan (Kewangan dan Makanan)	<ul style="list-style-type: none"> Kewangan Bulanan Makanan Bulanan 	10,202,437
	Perlindungan (Bina Rumah / Baik Pulih Rumah / Sewa Rumah)	<ul style="list-style-type: none"> Bina Rumah Baik Pulih Rumah Sewa Rumah 	5,011,530
	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Keperluan Pendidikan Bantuan Yuran Sekolah Rendah / Menengah Biasiswa Pelajaran 	10,967,313
	Modal	<ul style="list-style-type: none"> Modal Perniagaan 	166,565
	Perubatan	Perubatan	833,711
	Kecemasan	Kecemasan Runcit	1,724,210

* JENIS BANTUAN ZAKAT TERBESAR BAGI ASNAF MUALAF BAGI TEMPOH JAN-FEB 2018

ASNAF	KATEGORI	JENIS BANTUAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
Mualaf	Sara Diri Bulanan	Kewangan Bulanan	937,600
	Perlindungan (Bina Rumah / Sewa Rumah)	<ul style="list-style-type: none"> Bina Rumah Sewa Rumah 	42,794 379,810
	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas Dermaisiswa Pelajaran Bantuan Umum Pelajaran 	1,367,220 27,450 194,789
	Modal	Modal Perniagaan	10,000
	Perubatan	Perubatan	10,348
	Kecemasan	Kecemasan Runcit	81,732

* JENIS BANTUAN ZAKAT TERBESAR BAGI ASNAF GHARIMIN BAGI TEMPOH JAN-FEB 2018

ASNAF	KATEGORI	JENIS BANTUAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
Gharimin	Perubatan	<ul style="list-style-type: none"> Hutang Rawatan Dialisis Hutang Perubatan 	2,001,735 1,117,209
	Keperluan Hidup	Hutang Kerana Keperluan Hidup	703,690

* JENIS BANTUAN ZAKAT TERBESAR BAGI ASNAF FISABILILLAH BAGI TEMPOH JAN-FEB 2018

ASNAF	KATEGORI	JENIS BANTUAN	JUMLAH AGIHAN (RM)
Fisabilillah	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> Elaun Guru KAFA Dermaisiswa Pelajar Belajar Dalam Negara & Luar Negara 	7,028,085 54,853
		<ul style="list-style-type: none"> Agihan IPTA 	976,502
	Bina / Baik Pulih Institusi Agama	Pembinaan / Baik Pulih Surau Sekolah	431,404
	Lain - lain	<ul style="list-style-type: none"> Bantuan Kecemasan Program Penerapan Nilai Islam Bantuan Kepada Persatuan Islam / Badan Kebajikan 	190,302 124,965 597,850

*Nota: Data belum diaudit. Tertakluk kepada sebarang perubahan.


INFO BANTUAN

BANTUAN RAMADAN & HARI RAYA BAGI TAHUN 2018 DI SELURUH SELANGOR

SELURUH SELANGOR

FAKIR	MISKIN	MUALAF
KELUARGA 12,528	KELUARGA 31,718	INDIVIDU 5,777

JUMLAH KESELURUHAN RM35,084,750.00



JUMLAH KESELURUHAN

ASNAF FAKIR & MISKIN
RM32,979,330.00

ASNAF MUALAF
RM2,105,420.00

RM35,084,750.00

*Nota: Data belum diaudit.

KEMPEN GALAKAN

BERAS SUPER SPESIAL TEMPATAN 5%

RM7.00

BERAS PUTIH IMPORT
BERAS PERANG
BERAS PULUT
HERBA PONI
BERAS WANGI

RM14.00

BERAS BASMATHI
BERAS JEPUN
BERAS MERAH

RM21.00



KADAR **MINIMA** PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH MENGIKUT BERAS YANG DIMAKAN ADALAH **RM7.00** MENGIKUT KELULUSAN JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR 1439H/2018M

TALIAN ZAKAT SELANGOR
1-300-88-4343

